

## KERATAN AKHBAR

TARIKH : 1 JUN 2023  
AKHBAR : HARIAN METRO  
MUKA SURAT : 26

### Single Window Approach mula 15 Jun ini

## Single Window Approach mula 15 Jun ini

**Putrajaya:** Sistem visa pekerja mahir asing bersepadu atau *Single Window Approach* dijadual bermula pada 15 Jun ini, menurut Menteri Ekonomi, Rafizi Ramli.

Beliau berkata, proses permohonan Pas Pengajian (EP) untuk ekspatriat menerusi *Single Window Approach* akan dilakukan secara berfasa.

Justeru, katanya, semua pihak berkepentingan terutamanya agensi pelulus dan agensi kawal selia yang terbabit secara langsung dalam pengurusan ekspatriat dikehendaki memperkemas tabir urus dan proses kelulusan permohonan Pas Pengajian menerusi sistem baharu yang akan dikenali sebagai Xpats Gateway.

"Fasa 1 membabitkan pembangunan Sistem Xpats Gateway oleh pihak TalentCorp. Agensi pelulus dan agensi kawal selia yang telah bersedia menggunakan Xpats Gateway akan dilaksanakan mulai 15 Jun 2023.

"Sementara Fasa 2 membabitkan agensi pelulus dan agensi kawal selia seperti Malaysia Digital Economy Corporation (MDEC) dan Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) yang mempunyai sistem sedia ada dan memerlukan integrasi melalui Application Programme Interface (API) akan sedia digunakan pakai selewat-lewatnya pada 15 Ogos 2023," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media pasca mesyuarat Pasukan Petugas Khas Pemudahcara Perniagaan (Pemudah) di sini, semalam.

Mengulas lanjut, Rafizi berkata, dalam proses permohonan baharu itu, sektor Tier 1, Tier 2, dan sektor yang penting akan diproses dalam tempoh lima hari bekerja.

Beliau berkata, sistem bersepadu yang disertakan dengan pemende-

kan masa dijangka akan mengurangkan birokrasi yang berkaitan dengan pengambilan bakat asing, apabila pengetahuan dan kemahiran mereka akan memanfaatkan negara.

Katanya, konsep sistem bersepadu adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk memperbaharui sistem kerajaan supaya lebih mesra pengguna dan dapat menjimatkan

masa pemprosesan dalam urusan kerajaan.

"Ia akan memendekkan proses permohonan visa ekspatriat sebelum ini se-

kitar lebih 80 hari kepada jangkakan kita dalam 20 hingga 22 hari," katanya.

